

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TAMAN SRI MUDA

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2013

EKONOMI ASAS

Kertas 2

TINGKATAN 4

MASA: 2 JAM

Nama: _____

Tingkatan: _____

Bahagian A [75 markah]

Arahan ; Jawab tiga (3) soalan daripada 5 soalan di bawah.

Soalan 1

(a) Dialog berikut berkaitan dengan masalah ekonomi.



Jelaskan cara pasangan suami isteri itu menyelesaikan masalah tersebut.

[7 markah]

b) Terangkan **empat** sumber ekonomi yang diperlukan dalam pengeluaran sesuatu barang.

(8
markah)

c) Petikan berikut adalah berkaitan dengan firma Ehsan di negara Z:

Firma Ehsan merancang untuk mengeluarkan suatu barang halal sebagai menyahut saranan kerajaan yang mengamalkan prinsip-prinsip Islam. Firma Ehsan mengambil keputusan untuk mengeluarkan pakaian untuk wanita Islam di negara tersebut

(i) Apakah sistem ekonomi yang diamalkan oleh Negara Z?

(1 markah)

(ii) Terangkan masalah asas ekonomi yang belum diselesaikan oleh firma Ehsan (4 markah)

d) Nyatakan **lima** tujuan individu menabung.
(5 markah)

Soalan 2

a) Berikut adalah maklumat tentang jenis pendapatan Puan Nana.

Puan Nana seorang pekerja di kilang Elektronik di Shah Alam. Beliau juga menjual nasi lemak setiap hari di tempat kerjanya.

Jelaskan dua sumber pendapatan Puan Nana.

[4

markah]

b) Yang berikut adalah maklumat tentang pendapatan dan perbelanjaan

bulana	Gaji	RM2500	
	Sewa diterima		500
	Bayaran zakat		20
	Caruman KWSP		10%
	Premium insurans nyawa		100
Beliau mempunyai tiga orang anak dan seorang isteri yang tidak bekerja.			
Kadar cukai yang dikenakan:			
	RM2500 yang pertama	0%	
	RM2500 yang kedua	1%	
	RM15000 yang berikutnya	3%	
Pelepasan diri:			
	Diri	RM8000	
	Isteri	5000	
	Anak	1000 (seorang)	
	Caruman KWSP dan Premium Insurans Nyawa (Maksimum)	5000	

- Hitungkan pendapatan bercukai Encik Rashid. (4 markah)
- Hitungkan cukai pendapatan Encik Rashid. (5 markah)
- Hitungkan pendapatan boleh guna Encik Rashid. (3 markah)

Jadual di bawah berkaitan dengan tingkat harga dan kuantiti ditawarkan bagi

gula.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (kg)
10	10
15	20
20	30
25	40

- c) Dengan menggunakan kertas graf , lukis keluk penawaran gula.
(Gunakan skala 2 cm = RM5 pada paksi harga dan 2 cm = 10 kg pada paksi

kuantiti) (4 markah)

- d) Nyatakan **tiga** sebab individu dan **dua** sebab firma membuat pinjaman. (5 markah)

Soalan 3

- a) Maklumat berikut berkaitan dengan masalah asas ekonomi.

Syarikat Percetakan Aris Sendirian Berhad bercadang untuk menambahkan pengeluaran majalah melalui pembelian dua buah lagi mesin percetakan.

Terangkan masalah asas ekonomi yang belum diselesaikan oleh syarikat tersebut. (4 markah)

- b) (i) Maklumat berikut berkaitan dengan ciri sistem ekonomi negara **Z**.

Segala keputusan melalui biro perancangan pusat
Intensif buruh dipilih bila terdapat ramai

^{penganggur}
Jelaskan **tiga** ciri-ciri ekonomi negara Z selain dari pernyataan di atas.
(6 markah)


- (ii) Nyatakan **tiga** tujuan pelaburan. (3 markah)

- (c) Jadual di bawa menunjukkan kuantiti diminta dan harga dua jenis barang.


Jenis Barang	Perubahan Kuantiti Diminta(%)	Perubahan Harga (%)
X	30	20
Y	15	25

- (i) Hitungkan nilai keanjalan harga permintaan bagi Barang **X**.
(2 markah)
- (ii) Nyatakan jenis keanjalan barang X
(1 markah)
- (iii) Jelaskan strategi yang boleh diambil untuk meningkatkan jumlah hasil bagi
Barang Y.
(3 markah)

Gambar 1 dan Gambar 2 menunjukkan dua jenis barang.



Gambar 1



Gambar 2

- d) Terangkan **tiga** ciri perbezaan kedua-dua jenis barang tersebut
(6 markah)


Soalan 4



- (a) Jelaskan konsep isi rumah
(3 markah)

(3

- (b) Raja Harga (RM) barang.



(i) Apakah kesan peralihan keluk tersebut ke atas penawaran?

(1 markah)

(ii) Terangkan **tiga** faktor yang menyebabkan perubahan tersebut.

(6 markah)

c)

Bilangan buruh (unit)	Jumlah keluaran (unit)	Keluaran purata (unit)	Keluaran sut (unit)
0	0	-	-
1	15	15.0	15
2	34	17.0	19
3	51	17	
4	65		14
5	75	15.0	
6	81	13.5	
7	84	12	3
8	84	10.5	0
9	81		-3

i. Lengkapkan jadual di atas.

(5

markah)

ii. Jelaskan hubungan antara buruh dengan keluaran purata dan keluaran sut. (6 markah)

d)

- Cik Ros bekerja di Syarikat Best Fit dan dibayar gaji RM1500 sebulan
- Enik Samy membeli satu set perabot keluaran Syarikat Best Fit

Berdasarkan maklumat di atas, lukiskan rajah aliran pusingan pendapatan ekonomi. (4 markah)

Soalan 5


a. Apakah yang dimaksudkan dengan keseimbangan pasaran sesuatu barang? (2 markah)

b. Jadual 2 menunjukkan permintaan terhadap suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)	
	Aris	Anis
20	12	16
30	8	12
40	4	8

- (i) Berapakah kuantiti permintaan pasaran pada tingkat harga RM30?
[1 markah]
- (ii) Lukiskan pembentukan keluk permintaan pasaran di atas kertas graf dengan menggunakan skala 2cm : 8 unit pada paksi kuantiti dan skala 2cm : RM10 pada paksi harga. [8 markah]
- (iii) Pada kertas graf yang sama, lukis keluk penawaran pasaran.
[3 markah]
- (iv) Tentukan berapa harga keseimbangan dan kuantiti keseimbangan
[2 markah]
- (iv) Jelaskan pembentukan keluk permintaan di 3(c)(ii).
[3 markah]

c.



- Berdasarkan rajah di atas, terangkan keadaan pasaran pada
- i. tingkat harga RM120 (3 markah)
 - ii. tingkat harga RM100 (3 markah)
 - iii. tingkat harga RM80 (3 markah)

BAHAGIAN B
[25 Markah]

Arahan ; Soalan ini wajib dijawab

Syarikat GCH Sdn. Bhd. adalah pengeluar dan pengedar coklat di pasaran tempatan. Syarikat telah bertindak menaikkan harga coklat bagi meningkatkan jumlah hasil yang mana perubahan harga coklat sebanyak 40 % memberi kesan perubahan kuantiti diminta sebanyak 20%.

Cita rasa pengguna yang bertambah terhadap coklat antara punca utama penyebab kenaikan permintaan di pasaran. Situasi ini menyebabkan berlakunya lebih permintaan coklat di pasaran. Bagi mewujudkan keseimbangan pasaran coklat, pihak syarikat telah bertindak dengan menurunkan harga coklat.

Bagi memenuhi permintaan tinggi di pasaran, syarikat bercadang membesarkan saiz dan keupayaan pengeluaran kilangnya. Oleh itu syarikat akan menambah modal melalui pinjaman untuk tujuan tersebut. Para isi rumah akan memanfaatkan permintaan tersebut sekiranya harga diturunkan.

Sebagai langkah segera untuk memenuhi permintaan pasaran, Syarikat GCH Sdn. Bhd. akan mengimport coklat dari luar negara. Pada masa sama, syarikat memohon kerajaan mengecualikan tarif ke atas coklat import. Walau bagaimanapun kerajaan tidak meluluskan permohonan tersebut kerana tarif amat penting kepada kerajaan dan negara.

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Hitung pekali keanjalan harga permintaan coklat.
[2 markah]
- (b) Terangkan faktor-faktor lain yang meningkatkan permintaan coklat.
[10 markah]
- (c) Wajarkah tindakan yang diambil oleh Syarikat GCH Sdn. Bhd. bagi mewujudkan keseimbangan pasaran coklat? Beri tiga alasan.
[3 markah]
- (d) (i) Kenal pasti tiga sumber modal bagi membolehkan Syarikat GCH Sdn. Bhd.
 membesarkan saiz dan keupayaan pengeluaran kilangnya.
[3 markah]
 (ii) Beri tiga tujuan Syarikat GCH Sdn. Bhd. membuat pinjaman.

[3 markah]

(e) Terangkan dua peranan isi rumah.
markah]

[4

*****KERTAS SOALAN TAMAT*****

Disediakan Oleh : (Ketua Panitia)	Disemak Oleh : (GKMP Teknik dan Vokasional)	Diluluskan Oleh: (PK Akademik)
---------------------------------------------------------	------------------------------------------------------------------	------------------------------------------------------

KERTAS SOALAN TAMAT

Disediakan Oleh : (Pn Nik Haslina Bt. Nik Muhamad) Ketua Panitia	Disemak Oleh : (Pn. Halizah Bt Baharom) GKMP Teknik dan Vokasional	Diluluskan Oleh: (Pn. Mahani Bt Misran) PK Akademik
---------------------------------------------------------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------	----------------------------------------------------------------------